PELAN INDUK SEKTOR KEWANGAN

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang dilancarkan pada bulan Mac 2001 menetapkan strategi umum bagi pembangunan sektor kewangan untuk tempoh sepuluh tahun. Objektif PISK adalah untuk membangunkan sistem kewangan agar lebih kompetitif, berdaya tahan dan dinamik. Usaha-usaha yang diambil pada peringkat awal pelaksanaan PISK lebih tertumpu kepada peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik bagi mempertingkatkan tahap keberkesanan dan daya saing mereka, memperkukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan menggalakkan sistem pembayaran yang lebih selamat dan efisyen serta membangunkan rangka kerja bagi pendidikan dan perlindungan pengguna.

Sepanjang tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan PISK, sejumlah 31 daripada 119 saranan selesai dilaksanakan, di samping 24 saranan lagi dilaksanakan secara berterusan. Maklumat terperinci mengenai saranan yang telah selesai dilaksanakan adalah seperti yang disenaraikan di jadual yang disertakan.

Saranan yang Telah Selesai

Sektor Perbankan	
S3.4	Melonggarkan sekatan gaji dan mobiliti pekerja dalam industri perbankan bagi membolehkan industri menarik bakat terbaik dan memberikan mereka ganjaran yang setimpal
S3.5	Menarik balik sekatan ke atas penggajian ekspatriat untuk menarik bakat antarabangsa terbaik bagi memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang perbankan yang spesifik
S3.6	Menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mempertingkatkan lagi tahap urus tadbir korporat
S3.7	Membenarkan rasionalisasi kumpulan melalui jualan silang produk dan pelarasan proses dalaman serta membenarkan penggabungan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dan daya saing
S3.12	Menggalakkan penggunaan khidmat pihak ketiga fungsi bukan teras bagi meningkatkan tumpuan strategik dan kecekapan
S3.14	Menggalakkan penawaran saluran hantaran baru untuk menambah akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan bagi meningkatkan daya saing
S3.15.1 dan S3.15.2	Memperkenalkan proses notifikasi produk yang mudah sebagai insentif bagi pembangunan produk baru dan inovatif serta menyediakan garis panduan yang jelas mengenai kriteria notifikasi produk dan keperluan kelulusan bagi produk tertentu
S3.21	Menerbitkan manual pemeriksaan bagi pelaksanaan penyeliaan berasaskan risiko dengan fokus penyeliaan terhadap bidang berisiko tinggi dan tumpuan yang lebih terhadap institusi-institusi yang lemah
S3.28	Membenarkan kuasa pasaran membentuk pembangunan sistem pembayaran bagi meningkatkan persaingan dan inovasi sistem pembayaran
Sektor Insurans	
S4.1	Menghapuskan sekatan ke atas penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi membolehkan penanggung insurans meningkatkan lagi kompetensi teras mereka dan mengatur strategi perniagaan yang berkesan
S4.2	Membenarkan penanggung insurans yang layak untuk menggunakan internet sebagai saluran pengagihan bagi meningkatkan daya saing dan kecekapan industri insurans
S4.6	Melonggarkan sekatan ke atas penggajian ekspatriat bagi mempercepatkan pembangunan kemahiran dan kepakaran dalam industri
S4.16	Menaikkan modal berbayar berkanun minimum bagi penanggung insurans untuk meningkatkan daya tahan kedudukan kewangan mereka serta mempercepatkan proses penggabungan supaya penanggung insurans domestik mencapai saiz dan skala yang dikehendaki untuk bersaing

S4.18	Menubuhkan jawatankuasa lembaga dengan tanggungjawab spesifik dan mempertingkatkan pendedahan tentang pampasan kepada pengarah dan pihak pengurusan kanan bagi memastikan mereka bertindak ke arah meningkatkan nilai pegangan syer
S4.19	Meningkatkan syarat pengambilan tenaga ejensi bagi memastikan pengambilan tenaga ejensi yang lebih berkelayakan dan kompeten
S4.20	Memperkenalkan peperiksaan tambahan yang wajib sebagai sebahagian daripada program pelajaran yang berterusan bagi ejen untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka
S4.21	Mengukuhkan lagi penyeliaan berasaskan prestasi bagi mengekalkan kestabilan dalam keadaan pasaran yang kurang dikawal selia dan lebih kompetitif
S4.26	Memperkenalkan peraturan 'nasihat terbaik' bagi meningkatkan perlindungan pengguna dan profesionalisme dalam penjualan produk insurans hayat oleh pengantara insurans
S4.27	Mengukuhkan peraturan mengenai amalan perniagaan yang tidak adil bagi memastikan amalan perniagaan yang sihat dan perilaku yang adil terhadap pengguna
S4.29	Membenarkan institusi kewangan dan bukan kewangan memperolehi kepentingan ke atas penanggung insurans langsung bagi mewujudkan sinergi perniagaan
	Perbankan Islam dan Takaful
S5.3	Membina pengurusan yang mantap melalui penubuhan jawatankuasa lembaga, program penanda aras dan penggajian pekerja yang berpengalaman dan berkelayakan
S5.6	Menambah bilangan pengendali takaful bagi mempercepatkan perkembangan industri takaful
	Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)
S6.4	Memperkenalkan rangka kerja sistematik untuk perolehan sumber dana bagi memastikan pembiayaan yang sesuai dan mencukupi untuk operasi IKP
S6.7	Mewujudkan rangka kerja perundangan untuk mengawal selia IKP dan memastikan dasar dan objektif IKP konsisten dengan objektif dasar nasional
	Kaedah Pembiayaan Alternatif
S7.2	Menubuhkan dana modal usaha niaga berjumlah RM500 juta bagi menambah ketersediaan pembiayaan modal usaha niaga dan meransang usaha niaga baru
S7.3	Memperkenalkan insentif cukai selanjutnya bagi industri modal usaha niaga untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat modal usaha niaga
S7.4	Melonggarkan syarat penyenaraian MESDAQ bagi memberi kemudahan laluan keluar kepada syarikat modal usaha niaga daripada pelaburan mereka
	Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan
S8.3	Menerima pakai pendekatan yang berasaskan perundingan dan berorientasikan pasaran untuk mewujudkan persekitaran perniagaan dan percukaian yang menarik bagi meningkatkan daya saing dan daya tarikan Labuan
S8.6	Memperkukuhkan perniagaan perbankan dan kewangan Islam serta takaful bagi membolehkan Labuan dibangunkan dengan fokus strategik yang menjurus kepada produk dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip Shariah
S8.7	Mempertingkatkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) sebagai bursa kewangan sehenti untuk pemastautin dan syarikat antarabangsa

Saranan-saranan yang dilaksanakan dan pelbagai inisiatif yang diambil sepanjang tiga tahun pertama pelaksanaan PISK menyumbang kepada peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik serta menyediakan prasarana yang mantap bagi memastikan kestabilan sektor kewangan secara keseluruhannya.

SEKTOR PERBANKAN

Pelbagai inisiatif yang diambil sepanjang Fasa 1 pelaksanaan PISK lebih tertumpu kepada membina kapasiti dan keupayaan institusi perbankan domestik serta mempertingkatkan tahap daya saing mereka, di samping membina infrastruktur dalam mana institusi perbankan dapat beroperasi bagi menggalakkan pembangunan sistem perbankan yang lebih kukuh. Perhatian juga diberikan ke arah mewujudkan infrastruktur yang perlu bagi rangka kerja perlindungan pengguna yang lebih berasaskan pasaran.

Salah satu peringkat kemajuan terpenting dalam Fasa 1 PISK adalah untuk mendorong peningkatan prestasi. Program pembentukan tanda aras seluruh industri yang diperkenalkan pada tahun 2002 menyediakan satu kaedah bagi menggalakkan penumpuan strategik dan perancangan perniagaan yang lebih efektif bagi institusi perbankan di samping menyediakan kedudukan relatif setiap institusi dalam semua bidang prestasi. Penggunaan penanda aras juga membolehkan Bank Negara Malaysia menilai tahap perkembangan industri, terutamanya peningkatan prestasi yang dicapai oleh institusi kewangan domestik, dengan itu menentukan tahap kecepatan proses peralihan dan kemajuan.

Institusi perbankan domestik mencatatkan kemajuan yang berterusan sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu dan mempamerkan pencapaian yang memberansangkan. Program penggabungan mewujudkan institusi perbankan domestik yang lebih besar dengan kedudukan modal yang lebih kukuh. Purata jumlah aset dan dana pemegang saham setiap bank perdagangan domestik meningkat lebih dua kali ganda, masing-masing daripada RM18.1 bilion dan RM1.4 bilion pada akhir tahun 1999 kepada RM44.9 bilion dan RM3.8 bilion pada akhir tahun 2003. Tahap keuntungan meningkat sepanjang tempoh tiga tahun ini. Pulangan ke atas aset dan ekuiti bank domestik masing-masing mencatatkan peningkatan daripada 0.7% dan 8.4% pada tahun 2001 kepada 1.2% dan 13.4% pada tahun 2003. Keuntungan sebelum cukai setiap pekerja juga meningkat dengan ketara daripada RM80,196 pada tahun 2001 kepada RM108,728 pada tahun 2003. Nisbah kos ke atas pendapatan juga menurun daripada 41.2% pada tahun 2001 kepada 40.1% pada tahun 2003. Pengurusan kos operasi yang bertambah baik menstabilkan kedudukan peratusan perbelanjaan operasi berbanding purata aset pada RM1.42 setiap RM100 aset dalam tempoh masa yang sama.

Institusi perbankan di Malaysia beroperasi dalam persekitaran yang terbuka. Institusi-institusi perbankan domestik dan asing adalah ditadbir di bawah sistem perundangan dan pengawalan yang sama, yang mana sekatan lain yang masih dikenakan ke atas bank asing hanyalah daripada segi pembukaan cawangan. Namun begitu, institusi perbankan asing mempunyai kedudukan yang kukuh dalam pasaran, merangkumi 26% aset, 27% pinjaman dan 25% deposit bank-bank perdagangan.

Persaingan mengakibatkan penguncupan jurang margin kadar faedah kasar bank perdagangan daripada 4.14 mata peratusan pada tahun 2001 kepada 3.69 mata peratusan pada tahun 2003. Dalam suasana persaingan ini, institusi perbankan domestik berupaya mempertahankan bahagian pasaran mereka pada tahap 80%. Bank asing pula meluaskan bahagian pasaran pinjaman, terutamanya pinjaman perumahan. Institusi perbankan domestik terus memainkan peranan penting sebagai pembiaya perniagaan, terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang mana 83% daripada jumlah pinjaman bagi sektor ini dibiayai oleh institusi perbankan domestik. Institusi perbankan domestik juga meluaskan bahagian pasaran mereka dalam perniagaan kad kredit kepada 47% daripada pasaran (2000:43%), yang mana sebelum ini dikuasai oleh bank perdagangan asing.

Bagi mempertingkatkan tahap kecekapan operasi dan memberikan lebih penumpuan strategik terhadap operasi perniagaan, institusi perbankan kini boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi fungsi-

fungsi bukan teras. Mereka juga dibenarkan untuk merasionalisasikan operasi dalaman yang lazim seperti fungsi perbendaharaan dan pengurusan sumber manusia. Terdapat beberapa institusi perbankan juga menjual silang produk dan perkhidmatan mereka dalam kumpulan perbankan yang sama. Perikatan strategik antara bank dan institusi perbankan serta bukan perbankan lain juga dilaksanakan bagi mempertingkatkan lagi tahap daya saing dan inovasi. Sebagai contoh dari segi bankasurans dan penjualan saham amanah. Di samping itu, institusi perbankan domestik juga memperkenalkan perkhidmatan baru seperti pengurusan kekayaan dan produk deposit berstruktur.

Bagi mempertingkatkan penyaluran produk dan perkhidmatan kepada para pelanggan, institusi perbankan mengambil pakai saluran inovatif berasaskan penggunaan teknologi seperti internet dan perbankan mudah alih. Keadaan ini memperluaskan akses perkhidmatan perbankan dan memudahkan perhubungan tanpa sekatan bagi penyaluran produk dan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan melalui operasi pusat perkhidmatan kewangan sehenti. Tahap kecekapan sektor perbankan juga meningkat, dengan purata masa yang diambil oleh bank perdagangan untuk memproses permohonan pinjaman perumahan menurun daripada 4 hari pada bulan Mac 2002 kepada 3.1 hari dan daripada 11 hari kepada 9.5 hari bagi permohonan kad kredit baru. Dengan penekanan yang lebih ke atas hubungan dengan pelanggan, peratusan aduan pelanggan yang diselesaikan dalam masa 14 hari meningkat daripada 82.1% pada bulan Mac 2002 kepada 87.6% pada bulan Disember 2003.

Ekoran daripada peningkatan prestasi ketara oleh institusi perbankan domestik, langkah liberalisasi dalam beberapa bidang telah dibawa ke hadapan. Institusi perbankan domestik dibenar untuk menawarkan perkhidmatan perbankan yang lengkap menerusi internet mulai 1 Jun 2000 dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia dibenarkan menawarkan perkhidmatan sedemikian mulai 1 Januari 2002, lebih awal daripada yang diumumkan. Syarat yang dikenakan ke atas syarikat milik asing yang memerlukan mereka mendapatkan sekurang-kurangnya 50% daripada keperluan modal daripada institusi perbankan domestik ditarik balik berkuat kuasa dari 1 April 2003.

Sistem pembayaran yang lancar serta efisyen dan efektif juga adalah penting. Dalam suasana teknologi pembayaran dan struktur perkhidmatan kewangan yang bertukar pantas, adalah penting agar sistem pembayaran turut responsif dalam suasana persekitaran sedemikian. Bagi menggalakkan inovasi dan daya saing yang lebih tinggi, Bank Negara Malaysia telah menukar peranannya kepada lebih bercorak mempermudah daripada membangun, terutama dalam sistem pembayaran runcit. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia akan terus memastikan agar piawai sekuriti minimum akan diterapkan apabila sebarang sistem baru diperkenalkan. Akta Sistem Pembayaran 2003 dikuatkuasa bagi memudahkan pembangunan sistem pembayaran dan memastikan ianya selamat dan efisyen.

Satu aspek penting dalam kestabilan sistem kewangan adalah berkaitan dengan keupayaan sistem untuk menjalani proses perubahan terhadap penyahkawalseliaan dan peningkatan persaingan tanpa mengganggu tahap atau reliabiliti perkhidmatan kepada para pelanggan. Para pelanggan juga memainkan peranan penting untuk memacu peningkatan prestasi institusi perbankan. Amat penting adalah konsumerisme yang aktif, yang hanya dapat dicapai sekiranya orang ramai mempunyai maklumat dan pemahaman yang berkaitan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan. Untuk tujuan ini, satu program pendidikan pengguna untuk tempoh 10 tahun dilancarkan bagi menyebar maklumat kepada pengguna termasuklah maklumat mengenai hak dan tanggungjawab pengguna. Di samping itu, usaha juga diambil untuk menggalakkan para pengguna agar mengguna saluran pentadbiran dan perundangan secara formal bagi menyalurkan ketidakpuasan hati mereka. Institusi perbankan dikehendaki menubuhkan unit aduan yang khusus bagi mengendalikan aduan yang diterima daripada para pelanggan.

Sistem perbankan kekal sebagai pembiaya dana terbesar kepada sektor swasta, yang memberi sokongan kepada pelbagai sektor ekonomi. Selaras dengan objektif bagi membangunkan sistem kewangan yang dipelbagaikan dengan pasaran yang berjalan lancar, mendalam dan mudah tunai, Bank Negara Malaysia

terus memainkan peranan aktif dalam pembangunan pasaran bon bagi memenuhi keperluan ekonomi Malaysia yang berubah-ubah. Oleh yang sedemikian, pasaran bon mengalami pertumbuhan yang pesat sejak krisis kewangan Asia. Pada akhir tahun 2003, saiz pasaran bon bersamaan dengan 87.6% KDNK, berbanding dengan 46.9% pada tahun 1996. Pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) muncul sebagai sumber pembiayaan penting bagi sektor swasta sejak tahun 1998. Jumlah PDS mewakili 34.3% KDNK pada akhir tahun 2003.

Bagi meningkatkan pasaran bon sekunder, Garis Panduan Program Pinjaman dan Peminjaman (SBL) di bawah Sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata bagi Dana dan Sekuriti dikeluarkan untuk menyokong strategi urus niaga peniaga utama (PD) dan meningkatkan pulangan portfolio pelaburan bon bagi para pelabur. Menerusi SBL, PD kini boleh mengambil bahagian sebagai peminjam dan pemberi pinjaman, yang membolehkan PD menyebut harga dua-hala secara lebih efektif dan pada masa yang sama berupaya memenuhi komitment aktiviti perbendaharaan mereka. Bagi menangani isu pasaran bon kaptif dan menggalakkan urus niaga sekunder, syarikat insurans diberi lebih kelonggaran untuk melabur dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan PDS.

Bagi meningkatkan kewujudan kaedah pengurusan risiko untuk peserta pasaran, lebih ramai peserta dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam urus niaga repo dengan institusi kewangan berlesen. Piawai Kehematan bagi Transaksi Sekuriti Bersandarkan Aset oleh Institusi Berlesan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2003 bagi membantu meningkatkan kesedaran dan penyertaan dalam urus niaga pengsekuritian. Broker universal dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam pasaran pendapatan tetap dan seterusnya menggunakan perkhidmatan syarikat pembrokeran wang. Asas pelabur yang lebih besar adalah faktor penting yang menyumbang kepada kecairan pasaran sekunder.

Usaha bersepadu juga diambil untuk membangunkan pasaran kewangan Islam bagi memenuhi permintaan pelabur keinstitusian seperti penerbitan sekuriti pelaburan Kerajaan yang berasaskan Islam dan pembangunan tanda aras keluk kadar hasil secara Islam tanpa risiko bagi membantu penentuan harga dan urus niaga sekuriti Islam. Dalam membangunkan lagi pasaran modal Islam, Kerajaan menyediakan insentif seperti pengecualian cukai bagi perbelanjaan yang terlibat dalam penerbitan PDS Islam. Hasil daripada usaha-usaha ini, pasaran PDS Islam meningkat dengan ketara. Jumlah PDS Islam pada akhir tahun 2003 berada pada tahap RM69.1 bilion atau 46% daripada jumlah PDS.

Langkah-langkah yang diambil sepanjang tiga tahun kebelakangan ini diperkenalkan bagi memastikan sistem perbankan terus menyokong pertumbuhan ekonomi yang mapan dan menyediakan sektor perbankan Malaysia ke arah persekitaran operasi yang lebih liberal dan global. Strategi sistem perbankan terhadap penyahkawalseliaan dan liberalisasi merupakan satu pendekatan secara berperingkat. Proses liberalisasi dan penyahkawalseliaan yang terurus dan teratur diamalkan bagi memastikan perubahan industri kewangan dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa menyahstabilkan implikasi ke atas sistem.

SEKTOR INSURANS

Saranan yang dilaksanakan dalam fasa pertama PISK bertujuan untuk membina keupayaan penanggung insurans domestik bersaing dengan lebih efektif, mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna dan meningkatkan standard tadbir urus korporat bagi mempertingkatkan lagi perlindungan pemegang polisi dan nilai pemegang syer.

Inisiatif dan langkah pembinaan kapasiti yang dilaksanakan di bawah Fasa 1 PISK membawa perkembangan positif dalam industri pada tiga tahun lepas. Kemajuan ketara dicapai dalam pengukuhan industri, terutamanya dalam sektor insurans am yang mengandungi lebih banyak penanggung insurans yang kecil, berikutan peningkatan keperluan modal berbayar minimum bagi penanggung insurans daripada RM50 juta kepada RM100 juta pada tahun 2001. Sebanyak 15 penggabungan dan pengambilalihan yang melibatkan sejumlah 28 penanggung insurans am (termasuk empat penanggung insurans komposit) disempurnakan dengan jayanya sejak tahun 1999. Hasilnya, modal purata

penanggung insurans am bertambah kukuh sebanyak 54.4% daripada RM92.2 juta pada tahun 2000 kepada RM142.3 juta pada tahun 2003, meningkatkan kedudukan daya saing dan seterusnya lebih berupaya untuk memanfaatkan peluang yang wujud dalam persekitaran pasaran yang lebih terbuka.

Penanggung insurans domestik terus mengekalkan kedudukan dominan mereka dalam sektor insurans am serta mencapai produktiviti dan keuntungan yang lebih baik. Pada akhir tahun 2003, penanggung insurans domestik menguasai 73.3% daripada premium kasar insurans am, dengan lima penanggung insurans domestik teratas secara bersama menguasai 31.8% daripada jumlah premium kasar dalam industri. Produktiviti pekerja yang diukur berdasarkan premium kasar yang dijana bagi setiap pekerja meningkat dengan ketara daripada RM498,857 pada tahun 2000 kepada RM797,923 pada tahun 2003. Kadar keuntungan keseluruhan juga meningkat, dengan penanggung insurans domestik mencapai pulangan ekuiti yang lebih tinggi daripada penanggung insurans asing (24.7% berbanding dengan 20.4% bagi penanggung insurans asing pada tahun 2003).

Dalam sektor insurans hayat, perhatian penting dijuruskan kepada membangunkan peluang pertumbuhan baru untuk meningkatkan penembusan pasaran dan dengan itu mencapai ekonomi ikut bidangan. Dalam hal ini, penanggung insurans domestik memperoleh kedudukan dominan dalam perniagaan bankasurans dengan menguasai 76.6% daripada jumlah premium insurans baru yang dijana melalui institusi perbankan pada tahun 2003. Komitmen penanggung insurans domestik kepada pembangunan perniagaan bankasurans secara khususnya disokong oleh penjualan produk tidak berkaitan kredit yang menggalakkan. Penanggung insurans domestik menguasai lebih daripada 80% jumlah perniagaan bankasurans tidak berkaitan kredit pada tahun 2003.

Pada akhir tahun 2003, sejumlah 12 penanggung insurans hayat diberi kelulusan untuk mengadakan perjanjian bankasurans dengan institusi perbankan. Perniagaan yang dijana melalui saluran pengagihan alternatif ini meningkat empat kali ganda sejak tahun 2000 untuk mencapai RM1,859 juta pada tahun 2003. Dua penanggung insurans domestik berjaya menggunakan rangkaian pengagihan perbankan untuk menjadi peneraju pasaran dalam bankasurans, dengan menguasai bahagian pasaran sebanyak 36% daripada jumlah premium bankasurans pada tahun 2003. Bankasurans kini menguasai lebih daripada 38% daripada jumlah premium perniagaan baru insurans hayat dalam pasaran dan menjadi faktor utama menyumbang kepada penembusan perniagaan insurans hayat yang lebih tinggi di Malaysia yang meningkat daripada 31.5% pada tahun 2000 kepada 36.4% pada tahun 2003.

Penanggung insurans hayat domestik berjaya menembusi pasaran perniagaan insurans berkaitan pelaburan, yang muncul sebagai bidang pertumbuhan yang baru. Bahagian pasaran perniagaan insurans berkaitan pelaburan bagi penanggung insurans domestik meningkat secara progresif daripada 16% pada tahun 2001 kepada 27.9% pada tahun 2003, menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan baru keseluruhan yang lebih tinggi sebanyak 31.5% yang dicapai oleh penanggung insurans hayat domestik pada tahun 2003, berbanding dengan 19.4% yang dicatatkan oleh penanggung insurans asing.

Inisiatif pembinaan kapasiti di bawah Fasa 1 PISK juga memperkenalkan aturan kendalian yang lebih fleksibel bertujuan untuk membolehkan penanggung insurans domestik membuat pembaharuan, membangunkan kepakaran dan meningkatkan tahap kecekapan. Dalam hal ini, pemindahan kepakaran kepada penanggung insurans domestik dipermudahkan dengan dasar pelantikan pegawai ekspatriat yang lebih fleksibel. Pada akhir tahun 2003, sejumlah 42 pegawai ekspatriat telah digaji dalam industri insurans bagi menyediakan sokongan teknikal dalam bidang teknologi maklumat, pengunderaitan, aktuari dan pembangunan ejen. Dalam persekitaran operasi yang lebih fleksibel ini, semakin banyak penanggung insurans juga menggunakan strategi penggunaan khidmat pihak ketiga yang efektif bagi mengurangkan kos sementara memberikan kualiti perkhidmatan yang lebih tinggi kepada pelanggan mereka.

Pada akhir tahun 2003, lebih daripada 30 penanggung insurans telah terlibat dalam penggunaan perkhidmatan pihak ketiga, terutamanya dalam fungsi pengurusan sokongan yang berkaitan dengan

sistem pengurusan maklumat, pemprosesan data dan sokongan perkhidmatan pelanggan. Akses pelanggan kepada insurans juga menjadi lebih mudah dengan kelulusan diberikan kepada 18 penanggung insurans untuk menawarkan insurans melalui internet, termasuk lapan penanggung insurans yang kini boleh menawarkan polisi insurans motor secara dalam talian melalui laman web interaktif. Perkembangan ini yang membolehkan wujudnya proses yang lebih baik, menghasilkan prestasi yang bertambah baik dari segi tahap kecekapan keseluruhan penanggung insurans domestik. Penanggung insurans hayat domestik mencatatkan kadar perbelanjaan yang lebih rendah sebanyak 34.2% pada tahun 2003 (daripada 36.8% pada tahun 2000), sementara nisbah perbelanjaan pengurusan bagi penanggung insurans am domestik bertambah baik kepada 24% pada tahun 2003 (daripada 24.4% pada tahun 2000).

Meskipun perkembangan positif dalam industri, penanggung insurans domestik dengan bahagian pasaran keseluruhan yang ketara belum lagi muncul dalam sektor insurans hayat. Dalam tempoh peralihan kepada fasa kedua PISK yang menjangkakan persaingan yang sama rata di antara penanggung insurans domestik dan asing, tumpuan dasar terus dijuruskan kepada membangunkan penanggung insurans domestik, terutamanya penanggung insurans hayat, untuk memperkuatkan kedudukan mereka dalam penembusan saluran pengagihan alternatif, menggalakkan inovasi berterusan dan memudahkan pakatan strategik.

Pelaksanaan langkah tertentu di bawah Fasa 1 PISK untuk menggalakkan disiplin pasaran yang lebih baik dan mengukuhkan tadbir urus korporat akan menyokong peningkatan selanjutnya prestasi penanggung insurans domestik. Keperluan ketelusan jualan yang dipertingkatkan dan pelaksanaan program pendidikan pengguna yang komprehensif memberi kuasa kepada pengguna untuk membuat keputusan termaklum mengenai perkhidmatan dan produk kewangan pilihan mereka. Ini pula akan menjadi dorongan yang kuat bagi penanggung insurans menawarkan perkhidmatan dan produk yang lebih baik. Rangka kerja tadbir urus korporat yang lebih kukuh yang menjadi asas kepada inisiatif-inisiatif ini juga akan memastikan bahawa lembaga pengarah mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian bagi membolehkan mereka memberi arah tuju strategik yang berkesan kepada penanggung insurans dalam persekitaran yang lebih mencabar. Langkah-langkah ini melengkapi perubahan yang dilaksanakan kepada rangka kerja pengawalan dan merupakan unsur penting kepada pendekatan yang komprehensif kepada pembangunan sektor insurans yang teguh, stabil dan dinamik.

PERBANKAN ISLAM DAN TAKAFUL

Sektor perbankan Islam dan takaful mencatatkan pengukuhan dan perkembangan pesat dalam fasa pertama PISK. Bahagian pasaran perbankan Islam kini menguasai 9.7% bahagian pasaran daripada segi aset (6.9% pada tahun 2000) manakala bahagian pasaran deposit dan pembiayaan masing-masing menguasai 10.4% (7.4% pada tahun 2000) dan 10.3% (5.3% pada tahun 2000) daripada sistem perbankan. Sektor takaful turut berkembang pesat dan menguasai 5.7% bahagian pasaran daripada segi aset (3.9% pada tahun 2000) manakala jumlah caruman meningkat kepada 6.0% (3.9% pada tahun 2000) daripada keseluruhan industri insurans. Fasa 1 ini juga mencatat kemajuan pesat dalam pembangunan infrastruktur bagi sektor perbankan Islam dan takaful dan membolehkan sektor ini berfungsi secara efisien dan berkesan selari dengan sistem perbankan konvensional dan insurans.

Satu pencapaian penting dalam pembangunan infrastruktur perundangan ialah penubuhan satu mahkamah tinggi khusus pada tahun 2003 bagi mendengar kes-kes perbankan dan kewangan Islam. Perkembangan ini turut dibantu dengan penubuhan Jawatankuasa Kajian Semula Undang-Undang yang mengkaji undang-undang sedia ada bagi membina struktur perundangan yang lebih berkesan untuk menguruskan keunikan urus niaga perbankan dan kewangan Islam. Dalam perkembangan berkaitan, kajian semula Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 turut dijalankan.

Struktur penasihat Syariah terus dimantapkan. Menerusi pindaan Akta Bank Negara Malaysia 1958, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dinaik taraf sebagai badan autoriti tunggal dalam hal-

ehwal Syariah yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam, khususnya bagi institusi yang terletak di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. Garis panduan akan dikeluarkan bagi memantapkan struktur jawatankuasa Syariah di institusi perbankan Islam dan syarikat takaful. Garis panduan ini menggariskan komposisi, peranan dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah ini. Dengan terbitnya garis panduan ini, keberkesanan keseluruhan rangka kerja urus tadbir Syariah dijangka akan meningkat sepenuhnya.

Rangka kerja pengawalseliaan terus diperkukuhkan dengan mengambil kira ciri-ciri perbankan Islam dan takaful di samping mempertingkatkan kapasiti keinstitusian dan daya tahan kewangan peserta perbankan Islam dan pengendali takaful. Pengenalan rangka kerja standard bagi pengiraan kadar pulangan operasi perbankan Islam pada tahun 2001 bertujuan meningkatkan ketelusan kaedah pengiraan kadar pulangan bagi memastikan pengagihan pendapatan yang lebih saksama antara institusi perbankan dan pendeposit. Rangka kerja tersebut membolehkan institusi perbankan Islam menguruskan turun naik kadar pulangan secara lebih berkesan dan mengekalkan daya saing dengan institusi perbankan konvensional. Pengeluaran Garis Panduan Contoh Laporan dan Penyata Kewangan Bagi Bank Islam (GP8-i) pada tahun 2003 meningkatkan lagi penzahiran kewangan bagi mewujudkan disiplin pasaran yang lebih berkesan.

Kedudukan modal dan daya tahan kewangan sistem perbankan Islam semakin kukuh berikutan dasar pengawalseliaan yang menghendaki institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (bank SPI) mematuhi keperluan nisbah modal berwajaran risiko bagi portfolio perbankan Islam mereka. Keperluan modal minimum pengendali takaful dinaikan daripada RM35 juta kepada RM100 juta berkuatkuasa pada 31 Disember 2004 bertujuan menaik taraf pengendali takaful setanding dengan syarikat insurans.

Program tanda aras bagi mengukur prestasi peserta perbankan Islam dan pengendali takaful juga diperkenalkan untuk meningkatkan keupayaan institusi perbankan Islam dan pengendali takaful menilai tahap kecekapan mereka dan merangka strategi bagi meningkatkan efisiensi operasi mereka supaya setanding dengan amalan terbaik antarabangsa. Dalam urus tadbir korporat, garis panduan penubuhan jawatankuasa ahli lembaga, kelayakan minimum dan keperluan latihan untuk pengarah serta fungsi dan tanggungjawab pengarah bebas yang dikeluarkan pada tahun 2003 bermatlamat memantapkan lagi pengurusan institusi perbankan Islam dan pengendali takaful. Pemegang saham diharapkan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memantau keberkesanan ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

Garis Panduan Perjanjian Jual dan Beli Balik yang dikeluarkan pada tahun 2002 meningkatkan keupayaan institusi perbankan Islam memenuhi keperluan mudah tunai mereka sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperdalamkan lagi pasaran kewangan Islam. Mekanisme pembiayaan kadar terapung yang diperkenalkan pada tahun 2003 menawarkan satu instrumen kompetitif bagi peserta perbankan Islam membuat penetapan harga yang kompetitif bagi produk mereka bagi mengekalkan daya saing dalam suasana dwi-perbankan. Pada masa yang sama, ia membantu institusi perbankan Islam menguruskan risiko penetapan harga yang timbul daripada ketakpadanan aset dan liabiliti dengan lebih berkesan. Rangka kerja terperinci berhubung pelaksanaan pembiayaan berdasarkan konsep *mudharabah* (perkongsian untung) dan *musyarakah* (perkongsian untung rugi) kini di peringkat akhir dan akan menambah kepelbagaian konsep pembiayaan apabila sistem perbankan Islam memasuki fasa kedua PISK.

Penubuhan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) pada tahun 2002 sebagai institut penyelidikan dan latihan milik industri adalah satu lagi kemajuan penting yang dicapai. IBFIM dipertanggungjawabkan untuk menerajui usaha melahirkan sejumlah tenaga kerja perbankan Islam dan pengendali takaful yang berpengetahuan dan mahir bagi memenuhi permintaan industri kewangan Islam. Penganjuran Minggu Perbankan Islam dan Takaful pada tahun 2001 dan 2003 dan pelancaran Program Pendidikan Pengguna juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap

pengetahuan dan kesedaran pengguna dalam bidang perbankan Islam dan takaful. Kini, pengguna lebih peka tentang ciri-ciri perbankan Islam dan takaful, prinsip dan konsep Syariah yang diguna pakai serta produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam dan pengendali takaful.

Kemajuan turut dicapai dalam pembangunan infrastruktur keinstitusian. Dua pengendali takaful baru telah dilesenkan. Bagi perbankan Islam, kajian semula struktur keinstitusian "jendela" bank SPI sedang dijalankan. Kajian ini diharapkan akan menguatkan kedudukan bank SPI bagi memperkukuhkan rejim pengawalseliaan berhemat.

Berikutan kemajuan dan perkembangan sektor perbankan Islam mengatasi sasaran yang ditetapkan dalam fasa pertama, pelan liberalisasi kewangan sektor perbankan Islam dipercepatkan daripada fasa ketiga kepada fasa kedua, iaitu tiga tahun lebih awal daripada yang dijadualkan dalam PISK. Liberalisasi sektor perbankan Islam akan memacu perkembangan sektor ini dan seterusnya memperkukuhkan integrasi global bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk menjadikan Malaysia pusat perbankan dan kewangan Islam serantau.

INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (IKP)

Sejajar dengan hala tuju strategik yang digariskan dalam PISK, usaha yang diambil pada Fasa 1 PISK tertumpu kepada pembentukan sekumpulan IKP yang cekap dan berkesan bagi melengkapi institusi perbankan dalam menyediakan pembiayaan untuk sektor-sektor utama dan strategik yang dikenalpasti dalam ekonomi.

Dalam Fasa 1 PISK, strategi-strategi yang dilaksanakan ditumpukan terutamanya bagi memperkukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan pembinaan kapasiti IKP. Strategi dan inisiatif ini termasuklah infrastruktur perundangan dan pembangunan dasar yang diperlukan bagi menyokong pembangunan IKP yang berkesan secara terancang dan utuh.

Satu rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh bagi mempermudahkan keseluruhan pembangunan dasar IKP, terutamanya dalam mempertingkatkan keutuhan kewangan dan operasi IKP telah disempurnakan dengan penggubalan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 pada bulan Februari 2002. Akta ini memperuntukkan mekanisme yang menyeluruh bagi memastikan IKP menjalankan fungsi sosio-ekonomi yang dimandatkan. Berikutan dengan penggubalan Akta ini, enam buah IKP diletakkan di bawah bidang kuasa dan rangka kerja pengawalseliaan yang termaktub di bawah Akta berkenaan.

Rangka kerja dasar utama untuk membina kapasiti IKP disasar untuk memastikan IKP, sebagai institusi pembangunan terkhusus, mempunyai peranan yang efektif dalam menyokong keperluan pembangunan negara. IKP dikehendaki menyedia dan mengemukakan penyata niat korporat yang menggariskan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dirancang, strategi-strategi pelaksanaan dan sasaran prestasi selaras dengan peranan yang dimandatkan dan objektif pembangunan Kerajaan bagi memastikan mereka terus tertumpu kepada peranan yang dimandatkan.

Langkah-langkah berhemat, iaitu pengelasan pinjaman tidak berbayar dan keperluan peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk diperkenalkan bagi memastikan pinjaman tidak berbayar dan potensi kerugian dikenal pasti dan diambil kira tepat pada waktunya, serta aset pinjaman dan pendapatan dinyatakan dengan betul dan berhemat. Penyelenggaraan mudah tunai minimum diperkenalkan bagi mempertingkatkan keutuhan kewangan IKP. Dasar mengenai keperluan modal minimum mula dirumus untuk memastikan IKP mempunyai kapasiti kewangan bagi menampung operasi mereka. Semasa Fasa 1, pemeriksaan di premis ke atas keenam-enam buah IKP dijalankan secara berkala bagi menilai prestasi IKP dalam memenuhi peranan yang dimandatkan.

Bagi memperlengkapkan IKP sebagai institusi pembangunan terkhusus, langkah-langkah juga diambil bagi mempertingkatkan peranan mereka dalam penyediaan perkhidmatan bukan-kewangan. Satu projek

usahasama dengan *Japan International Cooperation Agency* dan beberapa IKP terpilih telah dimulakan bagi mempertingkatkan khidmat nasihat berkenaan yang boleh diberikan oleh IKP kepada PKS. Projek ini akan merumuskan pelan-pelan tindakan dan pelaksanaan bagi mempertingkatkan keupayaan institusi, termasuk kemahiran sumber manusianya.

Bagi memperkukuhkan urus tadbir korporat, garis panduan telah dikeluarkan bagi membantu IKP dan pihak-pihak yang berkepentingan menerapkan struktur urus tadbir korporat dan pengawasan lembaga pengarah yang berkesan. Perkara-perkara utama yang digariskan di dalam garis panduan tersebut ialah tugas dan tanggungjawab lembaga pengarah, keperluan minimum dan peraturan berkaitan pelantikan pengarah dan ketua pegawai eksekutif serta penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga pengarah.

Melangkah ke hadapan, langkah-langkah yang dilaksanakan akan terus ditumpukan untuk menyediakan persekitaran bagi IKP untuk beroperasi dengan cekap dan berkesan. Strategi-strategi bagi jangka masa terdekat akan bertumpu kepada pembangunan keinstitusian setiap IKP dalam bidang pengurusan risiko dan khidmat nasihat dan keupayaan konsultansi bagi sasaran pelanggan selain PKS. Pada masa yang sama, usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan keinstitusian IKP menerusi perumusan penunjuk prestasi turut dipergiatkan bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan dan operasi mereka.

MELANGKAH KE HADAPAN

Langkah-langkah yang dilaksanakan setakat ini adalah bertujuan untuk menyediakan asas yang kukuh bagi pembangunan sektor kewangan pada masa hadapan. Di samping langkah-langkah yang dilaksanakan dalam sektor perbankan, insurans, perbankan Islam dan takaful serta institusi kewangan pembangunan, kemajuan ketara juga dicapai dalam memperkenalkan kaedah pembiayaan alternatif dalam sistem kewangan domestik. Kemajuan ketara juga dibuat dalam membangunkan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa. Bagi kaedah pembiayaan alternatif, Kerajaan menerajui pembangunan industri modal usaha niaga (VC), sebagai langkah penting ke arah menjadikan Malaysia sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Langkah seperti penubuhan pusat sehenti untuk industri VC, insentif cukai dan dana VC akan terus menggalakkan perkembangan industri ini. Dengan pengiktirafan dan permintaan terhadap pembiayaan berlandaskan Islam yang kian meningkat, Labuan mengambil langkah strategik dalam mempromosikan kedudukannya sebagai sebuah pusat kewangan Islam. Dengan sokongan sektor kewangan Islam dalam pesisir yang kukuh, Labuan berada dikedudukan yang baik untuk menembusi pasaran kewangan Islam global yang kian berkembang.

Menuju ke hadapan, usaha yang lebih akan ditumpukan dalam pembangunan keinstitusian terutamanya bagi institusi kewangan domestik. Usaha ini akan diiringi oleh langkah liberalisasi secara berperingkat dengan imbangan sedang dilaksanakan untuk memastikan faedah yang diperolehi akan dimaksimumkan manakala sebarang impak yang mampu menggugat kestabilan dikurangkan. Sebagai tambahan, perkhidmatan kewangan yang lebih terpelbagai akan muncul dengan pasaran modal, insurans dan modal usaha niaga memainkan peranan yang lebih besar di dalam sektor kewangan.